

12,000 penyewa ditawarkan pinjaman

Tawaran Fasa kedua Skim Pembiayaan Khas PPR-MTEN, PA DBKL mulai bulan depan

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bharian.com.my

PETALING JAYA: Seramai 12,000 penyewa rumah Program Perumahan Rakyat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (PPR-MTEN) dan Perumahan Awam (PA) sedia ada akan ditawarkan pinjaman melalui fasa kedua Skim Pembiayaan Khas PPR-MTEN dan PA Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), bulan depan.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWP-KB), Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin, berkata tawaran itu akan hanya dibuat membabitkan penyewa yang tiada tunggakan sewa.

"Fasa kedua akan dilaksanakan tidak lama lagi dan tawaran akan dibuka kepada lebih 12,000 penyewa sedia ada yang berminat. Ini bukan paksaan, sebaliknya kerajaan hanya memberi peluang kepada penyewa yang berminat membeli unit melalui skim pembiayaan ditawarkan.

"Jika tidak mahu pinjam atau beli unit berkongsi, kerajaan tiada sebarang masalah. Bukan seperti dakwaan sesetengah pihak kononnya kerajaan menolak penyewa PPR dan PA," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyampaikan baucar beli-belah di pasar raya Giant kepada 387 penerima berse-

mena sambutan Hari Bapa di Times 89 Business Plaza, Jalan Klang Lama, di sini, semalam.

Raja Nong berkata, DBKL sudah menyenaraikan lebih 4,000 penyewa yang berminat menyertai skim dibiayai Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) itu dan surat tawaran akan dikeluarkan bulan depan.

DBKL baru-baru ini turut membuat tawaran tambahan bagi penjualan PA Setapak Jaya 1A dan PA Negeri Sembilan, Sentul.

"Setakat ini, ia hanya membabitkan tawaran penjualan semula



Fasa kedua akan dilaksanakan tidak lama lagi dan tawaran akan dibuka kepada lebih 12,000 penyewa sedia ada yang berminat. Ini bukan paksaan, sebaliknya kerajaan hanya memberi peluang kepada penyewa yang berminat membeli unit melalui skim pembiayaan ditawarkan

Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin
Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar



RAJA Nong Chik (dua dari kanan) bersalaman dengan penerima baucar, Gopala Ponnambalam, 82, sempena majlis sambutan Hari Bapa di Pusat 1Malaysia Lembah Pantai di Petaling Jaya.

dan masih belum memasuki proses pinjaman melalui skim ditawarkan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Raja Nong berkata, pihaknya akan menemui peniaga dan pihak berke-

pentingan bagi mendapatkan maklum balas mengenai pelaksanaan Pasar Raja Bot, Chow Kit, hujung bulan ini.

"Kerajaan akan melaksanakan projek itu selepas mendapat mak-

lum balas pengguna dan mereka yang berkepentingan. Perbincangan menyeluruh akan dilaksanakan kerana kita tidak mahu membina sesuatu yang tidak diinginkan peniaga," katanya.